

BAHAGIAN A
[20 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga soalan 4

Pilih istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

Nabi	Diat	Rasul
Jizyah	Sedekah	Zakat

1. Ibadah dengan cara mengeluarkan harta tertentu pada kadar tertentu dengan syarat tertentu _____
2. Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikan kepada orang lain _____
3. Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlindung dalam sebuah negara Islam _____
4. Harta benda atau bayaran tertentu yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Makkiah	Madaniah	Al-Musawah	Umum	Qisas	Khusus
---------	----------	------------	------	-------	--------

5. Ibadah _____ merupakan semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.
6. Dalam al-Quran terdapat 114 surah dan 86 daripadanya dikenali sebagai surah _____
7. Maksud _____ ialah kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal.

8. Antara prinsip negara Islam ialah _____ iaitu setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam.

Hak Asasi Manusia					
P	Kebebasan Bersuara	Q	Kehormatan diri	R	Keamanan dan Keselamatan


9. P ialah _____

10. Q ialah _____

11. R ialah _____

Soalan 12 dan soalan 13

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan asas pergaulan dalam Islam.



12. S ialah _____

13. T ialah _____

Soalan 14 dan soalan 15

Lengkapkan jadial di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan jenis kesalahan dan hukuman hudud.

Bil	Kesalahan	Hukuman hudud
1	Zina	Belum berkahwin : Disebat 100 kali Telah berkahwin : Direjam sampai mati
2	U	Disebat 80 kali
3	V	Disebat 40 kali
4	Mencuri	Dipotong pergelangan tangan

14. U ialah _____

15. V ialah _____

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (J) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Bersikap benar dalam percakapan, perbuatan dan niat di dalam hati merupakan sifat mazmumah dalam pergaulan. ☐
17. Percaya bahawa Allah SWT menurunkan kitab-kitab kepada para rasulNya adalah berkaitan rukun iman. ☐
18. Salah satu faktor berlakunya jurang pendapatan yang besar antara golongan pemodal dengan pengguna adalah disebabkan amalan riba. ☐
19. Mazlan menyimpan wang dalam akaun simpanan konvensional di bank bertujuan untuk mendapatkan pulangan faedah yang lebih baik dan tindakan itu digalakkan dalam Islam. ☐
20. Tindakan seseorang individu dalam kehidupan bernegara ialah mematuhi segala peraturan dan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan. ☐



BAHAGIAN B
[80 markah]
Jawab empat soalan sahaja

- 1 (a) Senaraikan **empat** kitab yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul.
[4 markah]

Seorang Wanita berkata : “Walaupun saya tidak solat , pakaian tidak tutup aurat tetapi hati saya baik. Ada juga rakan saya yang betul=betul menutup aurat tetapi perangai dan kelakuan lebih buruk dari Perempuan yang tidak memakai tudung. Saya beriman dengan Allah SWT yang Maha Pengampun , jangan menilai keimanan melalui pakaian saya. Janganlah nilai orang dari luarannya . *Don’t judge a book by its cover!*”.

- (b) (i) Mengapakah wujudnya pegangan di atas ? [2 markah]

- (ii) Bagaimanakah anda menolak dakwaan tersebut?

Huraikan pandangan anda.

[4 markah]

- (c) (i) Nyatakan **dua** prinsip asas sistem ekonomi Islam. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** sebab sistem ekonomi kapitalis bertentangan dengan Islam.

[4 markah]

Seorang pakar ekonomi berpendapat , sistem ekonomi berdasarkan prinsip Islam adalah pilihan terbaik untuk perkembangan kewangan negara berbanding kapitalisme barat

(d) Huraikan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam berdasarkan petikan di atas.

[4 markah]

“Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya.”
(Maksud ayat 4, Surah at-Tin)

2 (a) (i) Jelaskan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk Allah SWT yang lain.

[4 markah]

(ii) Huraikan **dua** kepentingan Islam mewajibkan umatnya memelihara fitrah kejadian insan.

[4 markah]

(b) Manusia memerlukan wahyu Allah SWT walaupun telah dikurniakan akal fikiran dalam mencari kebenaran.

Terangkan **dua** kepentingan wahyu dalam memelihara akal.

[4 markah]

(c) Jelaskan **dua** keunggulan sistem perundangan Islam.

[2 markah]

“Pelaksanaan sistem kehakiman Islam tidak membebankan penganutnya, malah sesuai dipraktikkan sepanjang zaman. Ini kerana pelaksanaannya mengambil kira kemaslahatan manusia. Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah bertujuan untuk mendidik dan bukan bertujuan untuk menyakiti. Hukuman yang dikenakan juga bersifat adil tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang. Ianya lebih kepada memberikan keadilan dan memastikan kezaliman dapat di hapuskan

Berdasarkan pernyataan di atas.

(d) (i) Berikan **dua** contoh hukuman tersebut.

[2 markah]

(ii) Bagaimanakah hukuman tersebut dapat mendidik jiwa manusia ?

Huraikan pendapat anda.

[4 markah]



PUTRAJAYA : Pelajar dibenarkan untuk tidak memakai pakaian seragam jika pakaian sedia ada sudah tidak muat.

Menteri Kanan Pendidikan . Datuk Dr Radzi Jidin berkata . namun, murid perlu memakai pakaian yang sopan , kemas dan sesuai untuk ke sekolah.

Katanya, Langkah itu bagi membolehkan semua murid hadir ke sekolah sesuai dengan semangat membawa Kembali pelajar ke sekolah.

Sumber : roha@bh.com.my

Sumber 1

Daniel seorang murid dalam kalangan keluarga B40 (golongan berpendapatan rendah) hadir ke sekolah tanpa berpakaian seragam sekolah yang lengkap setelah pembukaan semula sekolah akibat pandemic Covid 19.

Sumber 2

- 3 (a) (i) Sebagai rakan sekolah , terangkan prinsip pergaulan Islam yang wajar diamalkan berdasarkan dua sumber di atas. [2 markah]

- (ii) Apakah kepentingan mengamalkan prinsip pergaulan Islam tersebut di sekolah ?
Huraikan pendapat anda. [4 markah]

- (b) Huraikan **dua** kesan sekiranya prinsip pergaulan Islam tidak diamalkan dalam kalangan murid sekolah. [4 markah]

(c) Jelaskan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam.

[4 markah]

Sistem pemerintahan Islam merupakan satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakn syariat Islam

(d) (i) Nyatakan **empat** peranan rakyat untuk memastikan sistem tersebut terlaksana.

[4 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam.

[4 markah]

4 (a) (i) Nyatakan maksud waqi'iyah.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri prinsip waqi'iyah.

[4 markah]

'Alamiyyah ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

(b) Terangkan **dua** kepentingan mengamalkan prinsip di atas dalam kehidupan seharian.

[4 markah]

Muamalah dalam Islam adalah suatu kegiatan yang mengatur hal-hal yang berkaitan dengan tatacara hidup sesama manusia untuk memenuhi keperluan hidup seharian

(c) (i) Nyatakan **dua** ciri muamalat Islam.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** jenis muamalat Islam.

[2 markah]

Lembaga Tabung Haji (TH) adalah institusi kewangan Islam yang utama di Malaysia sejak tahun 1963. TH mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam deposit, perkhidmatan dan operasi haji serta pelaburan dana. TH berusaha memperkasa ekonomi umat Islam di Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber yang sedia ada.

Sumber : *BH* online, 9 Dis.

(d) Berdasarkan petikan di atas, bagaimanakah institusi tersebut dapat memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia ?

Kemukakan hujah anda.

[6 markah]



10

5 (a) Terangkan **dua** fungsi wahyu terhadap ibadah. [4 markah]



(b) (i) Terangkan punca yang menyumbang kepada statistik di atas. [2 markah]

(ii) Pada pandangan anda, bagaimanakah wahyu berperanan untuk menghalang perbuatan di atas? [4 markah]

(c) (i) Nyatakan maksud kehakiman (*al-Qadha'*) dari segi syarak. [2 markah]

11

(ii) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]

Seorang hakim terikat dengan etika tertentu dalam proses mengadili dan memutuskan sesuatu kes di mahkamah seperti dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya.

(d) Berdasarkan petikan di atas , huraikan **dua** sebab larangan tersebut. [4 markah]

6 (a) Terangkan **dua** kepentingan institusi keluarga dalam membina ahli keluarga yang terdidik dengan nilai Islam. [4 markah]

(b) Nyatakan **dua** peranan ibu bapa terhadap anak. [2 markah]

(c) Terangkan **dua** adab dan etika dalam hiburan. [4 markah]

12

(d) Jelaskan ciri sistem pemerintahan Islam.

[2 markah]

(e) Apakah maksud sistem khilafah ?

[2 markah]

Seorang warganegara yang baik hendaklah mentaati pemerintah yang tidak menyalahi syariat.

(f) Bincangkan cara anda mentaati arahan tersebut dalam kehidupan beserta rumusannya.

[6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



